



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
(Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)  
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8000 8000  
Faks : 03- 8889 5490  
Emel : [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)  
Laman Web: <http://www.dof.gov.my>

## KENYATAAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

### MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN NKEA PERTANIAN ANTARA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA DAN SYARIKAT PENERAJU PADA 13 JANUARI 2016, WISMA TANI, PUTRAJAYA

1. Jabatan Perikanan Malaysia mengadakan satu majlis menandatangani perjanjian Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) Pertanian bersama syarikat-syarikat peneraju bertujuan membantu menuju kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Terdapat tiga syarikat penerajui NKEA yang baru dan tiga (3) syarikat NKEA sedia ada yang akan menandatangani perjanjian pada hari ini
2. Syarikat-syarikat penerajui yang menandatangani perjanjian pada hari ini adalah menyumbang kepada program EPP#6 I-ZAQ (*Integrated Zone Aquaculture*). Sehingga kini EPP#6 I-ZAQ telah berjaya menjana hasil pendapatan negara atau *Gross Income National* (GNI) berjumlah RM 920 juta dimana nilai pelaburan terkini daripada 14 syarikat NKEA dibawah EPP#6 I-ZAQ adalah bernilai RM 2.46 bilion.
3. Dengan temeterainya perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan syarikat-syarikat peneraju ini dapat membantu kepada penghasilan pengeluaran produk akuakultur seperti udang iaitu sebanyak 84,000.00 Tan Metrik Udang dengan nilai RM 1.9 bilion telah berjaya di hasilkan.
4. Setakat hari ini, kesan daripada projek-projek EPP#6 I-ZAQ yang dijalankan memberikan impak positif kepada perkembangan industri apabila telah melahirkan seramai 2,000 peluang pekerjaan kepada anak tempatan.
5. Pihak jabatan berharap agar syarikat-syarikat peneraju NKEA yang telah dilantik dapat melipatgandakan usaha pembangunan projek masing-masing supaya EPP#6 I-ZAQ dapat membantu kearah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

**++ Tamat ++**